

RESEARCH ARTICLE

Kata pinjaman dialek Cina dalam Bahasa Melayu berdasarkan aspek fonologi dan ortografi

Chinese dialect loanwords in Malay based on phonological and orthographic aspects

Adi Yasran Abdul Aziz*, Rozita Che Rodi, Wong Ling Yann and Muhammad Faizul Abdul Hamid

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Abstrak – Hubungan sosiobudaya Malaysia-China dapat dikesan melalui kata pinjaman daripada dialek Cina dalam bahasa Melayu. Terdapat sekurang-kurangnya 163 entri dalam Kamus Dewan Edisi Keempat yang dilabelkan dengan huruf C. Ini menunjukkan kata tersebut berasal daripada dialek Cina. Walaupun terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji kata pinjaman ini, kajian tersebut tidak menganalisis perubahan bunyi yang berlaku daripada bahasa sumber kepada bahasa Melayu yang menyumbang kepada perubahan ejaan Rumi dan Jawi. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis perubahan sebutan yang berlaku hasil daripada proses peminjaman kata daripada dialek Cina kepada bahasa Melayu dan pengaruh sebutan ini terhadap ejaan Rumi dan Jawi bahasa sasaran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan khidmat pakar bahasa Cina untuk mengesahkan data bahasa sumber sekunder yang diperolehi daripada bahan rujukan tentang kata pinjaman bahasa Cina. Perubahan sebutan dianalisis dengan menggunakan teori fonologi generatif, manakala aspek ortografinya dianalisis berdasarkan rujukan daftar kata, pedoman ejaan, dan kamus bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat proses penyekatan glotis, iaitu /h/ direalisasikan sebagai [ʔ] di akhir suku kata pinjaman dialek Cina dan proses asimilasi nasal-hentian oral, iaitu semua bunyi nasal direalisasikan sebagai nasal yang homorgan dengan hentian oral yang mengikutinya dengan beberapa kekecualan. Dari segi ortografinya, ejaan <k> dalam Rumi dipadankan dengan qaf dalam Jawi apabila berada di akhir suku kata, manakala ejaan Rumi dan Jawi bagi rangkap nasal-hentian oral kata pinjaman dialek Cina sama dengan ejaan kata Melayu Jati. Implikasinya, persamaan adaptasi fonologi dan ortografi ini bukan sahaja mengukuhkan naratif percampuran linguistik, malah membuktikan keakraban sejarah dan hubungan sosiobudaya yang telah lama terjalin kukuh antara etnik di Malaysia.

Abstract – The sociocultural relationship between Malaysia and China can be traced through Chinese dialect loanwords found in the Malay language. There are at least 163 entries in Kamus Dewan Edisi Keempat labeled with the letter 'C', indicating that these words originated from Chinese dialects. Although previous studies have examined these loanwords, they have not analyzed the sound changes occurring from the source language to Malay, which contributed to modifications in the Romanized (Rumi) and Jawi orthographies. Therefore, this study aims to analyze the pronunciation changes resulting from the lexical borrowing process from Chinese dialects into Malay, and the influence of the pronunciation changes on Rumi and Jawi spellings of the target language. This study employed a qualitative approach, utilizing the expertise of Chinese language specialists to validate secondary source language data acquired from authoritative references on Chinese loanwords. Pronunciation changes were analyzed using the theory of generative phonology, while the orthographic aspects were examined based on Malay word lists, spelling conventions and dictionaries. Findings revealed the presence of a glottal constriction process, whereby /h/ is realized as [ʔ] in the word-final syllables of Chinese dialect loanwords, and a nasal-oral stop assimilation process, in which all nasal sounds are realized as nasals homorganic to the subsequent oral stop, albeit with several exceptions. Orthographically, the Rumi spelling of <k> corresponds to the qaf in the Jawi script when it occurs in the syllable-final position, whereas the Rumi and Jawi spellings for nasal-oral stop clusters in Chinese dialect loanwords are identical to the spelling of native Malay words. As an implication, these parallels in phonological and orthographic adaptation not only reinforce the narrative of linguistic amalgamation but also substantiate the historical proximity and long-established sociocultural relationships among ethnicities in Malaysia.

Article History

Received: 15 May 2025

Revised: 16 April 2026

Accepted: 24 April 2026

Published: 2 July 2026

Kata Kunci

Bahasa Melayu

Dialek Cina

Fonologi

Kata pinjaman

Ortografi

Keywords

Chinese dialect

Loanwords

Malay language

Phonology

Orthography

1. Pengenalan

Kata Pinjaman Dialek Cina ialah kata pinjaman daripada beberapa dialek Cina berdasarkan Jones (2007 & 2009) yang disahkan oleh beberapa orang pakar bahasa Cina. Fonologi ialah kajian tentang sistem bunyi dan fungsinya dalam sesuatu bahasa, manakala ortografi ialah kajian tentang sistem ejaan sesuatu bahasa. Terdapat beberapa kajian dilakukan tentang aspek bahasa Melayu yang dihubungkan dengan bahasa Cina. Antaranya ialah Jones (2007 & 2009), Marliana (2009),

Soo Yew Phong (2014 & 2015), Zaharani (2004) dan lain-lain. Kajian Jones (2007 & 2009) telah menyenaraikan kata pinjaman daripada dialek Cina berserta sebutan, sumber dialek dan variasi. Zaharani (2004) telah mengkaji aspek fonologi harmoni vokal, rangkap nasal homorgan, reduksi vokal, dan nasalisasi vokal, manakala Marlina (2009) hanya memfokuskan aspek reduksi vokal sahaja. Akhir sekali, kajian Soo Yew Phong (2014 & 2015) meninjau kata-kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dikembangkan melalui proses morfologi bahasa Melayu. Keempat-empat kajian ini telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang fonologi dan ortografi bahasa Melayu, khususnya yang berkaitan dengan kata pinjaman dialek Cina. Oleh sebab Jones (2007 & 2009) telah menyediakan data dan maklumat yang diperlukan, maka data dan maklumat tersebut akan digunakan dalam kajian ini. Data dan maklumat yang terdapat dalam kedua-dua buah buku ini juga telah disahkan oleh pakar bahasa Cina. Kata pinjaman dialek Cina dalam bahasa Melayu (termasuk bahasa Indonesia) bersumberkan sekurang-kurangnya 10 dialek Cina, iaitu:

Jadual 1

Sumber dialek bagi kata pinjaman dialek Cina (Jones, 2007)

Dialek (Tempat asal dialek)	Pinyin (Sebutan)
Amoy (Hokkien)	Xiamen, Minnan
Kantonis (Guangdong)	Guangdong
Chiangchui, Changchow (Hokkien)	Zhangzhou
Hokchui, Foochow (Hokkien)	Fuzhou
Hakka, Kheh	Kejia
Mandarin (Beijing)	Putonghua (Bahasa Cina Standard)
Dialek Wu (Zhejiang)	Ningbo
Teochew, Swatow (Hokkien)	Chaozhou
Tong'an (Hokkien)	Tong'an
Tsoanchui, Chuanchow (Hokkien)	Quanzhou

Berdasarkan senarai kata pinjaman dialek Cina dalam kajian Jones (2007 & 2009) dan Ut (2021), dialek yang berasal dari Hokkien ialah dialek yang paling banyak dipinjam dalam bahasa Melayu (termasuk bahasa Indonesia). Namun begitu, kajian ini hanya menggunakan istilah dialek Cina tanpa menyatakan sumber dialeknya, bukan menggunakan bahasa Cina standard. Sebahagian sebutan dialek Cina tidak dapat ditulis dengan aksara Cina (yang boleh mencerminkan makna perkataan), hanya mempunyai sebutan dialek sahaja. Contohnya *loksun* (落损).

Zaharani (2004) dan Marlina (2009) mengkaji aspek fonologi kata pinjaman dialek Cina berdasarkan pendekatan ala fonologi generatif. Menurut Zaharani (2004), penyerapan kata pinjaman dialek Cina boleh mengalami proses perubahan fonologi kerana mematuhi sistem bahasa sasaran, atau mengekalkan sistem bahasanya. Perilaku fonologi yang menjadi fokus perbincangan Zaharani (2004) ialah fenomena yang melibatkan pengekalan ciri bahasa Cina yang bertentangan dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Kedua-dua orang pengkaji ini telah menggunakan data ejaan kata pinjaman dialek Cina dalam bahasa Melayu bagi menjelaskan proses fonologi yang berlaku. Misalnya, ejaan <apek> direpresentasikan sebagai [a.pe?] dan <loksun> direalisasikan sebagai [loksun] (dalam Kamus Dewan Perdana, 2020 [loʔ.sun]). Zaharani (2004) menggunakan data ini untuk menunjukkan bahawa kata pinjaman ini tidak mematuhi harmoni vokal bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, data tersebut juga menunjukkan berlakunya pembentukan glotis yang tidak dianalisis oleh beliau. Bagi menjelaskan proses pembentukan glotis yang berlaku daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, data daripada bahasa sumber boleh dianggap sebagai struktur dalaman (*underlying structure*), manakala sebutan dalam bahasa Melayu (seperti dalam Kamus Dewan Perdana, 2020) sebagai struktur permukaan (*surface structure*). Menurut Abdullah Hassan (1974), pengaruh bahasa Cina dalam bahasa Melayu juga agak menyeluruh tetapi kesan itu tidak sama jika dibandingkan dengan kebudayaan yang telah lama bertapak di Malaysia. Sebahagian besar pinjaman ini melibatkan nama-nama tubuh badan manusia.

Dalam bidang ortografi, biasanya struktur dalaman atau bentuk fonemik dijadikan asas kepada sistem ejaan, namun sering juga berlaku sistem ejaannya berbeza dengan bentuk fonemiknya, terutamanya kata pinjaman. Oleh itu, kajian yang bergantung pada data ejaan didapati tidak memenuhi prinsip kepadaan (*adequacy*) dalam teori Fonologi Generatif. Selain fenomena pembentukan glotis seperti di atas, banyak lagi isu fonologi yang lain yang memerlukan data fonologi daripada bahasa sumber. Antaranya ialah proses asimilasi nasal-obstruen yang berlaku dalam kebanyakan bahasa dan isu reduksi vokal. Proses asimilasi nasal ini telah dijelaskan oleh Zaharani (2004), manakala proses reduksi vokal telah dijelaskan oleh Zaharani (2004) dan Marlina (2009). Namun begitu, masih terdapat ruang untuk penjelasan yang lebih rinci tentang proses asimilasi nasal-obstruen tersebut apabila data sebutan bahasa sumber digunakan dan hubungannya dengan ortografi. Perubahan sebutan dianalisis dengan menggunakan teori fonologi generatif (Chomsky & Halle, 1968, Roca, 1994), manakala aspek ortografinya dianalisis berdasarkan Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi (2016), Kamus Dewan Perdana (2020) dan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (2020).

Dengan menyiorot beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan aspek kata pinjaman daripada bahasa atau dialek Cina, sememangnya terdapat pelbagai penelitian mengenainya. Namun begitu, kajian tersebut tidak menganalisis perubahan bunyi yang berlaku daripada bahasa sumber kepada bahasa Melayu yang menyumbang kepada perubahan ejaan Rumi dan Jawi. Kebanyakan kajian seperti kajian Kho Thong Eng (2021) menyenaraikan kata nama pinjaman daripada bahasa Cina yang mencakupi pelbagai ranah. Antaranya “makanan dan minuman” yang disenaraikan kata pinjaman seperti taucu, tauhu, tauge, tauci, cakoi, popia, pau, suun, dan lain-lain. Dalam ranah “alat dan bahan”, tersenarai kata pinjaman seperti kemucing, pingpong, tanglung, sempoa, dan lain-lain. Dalam ranah “penyakit”, disenaraikan pula kata pinjaman seperti taiko, loksun, pehong dan lain-lain. Menurut Kho Thong Eng (2021) juga, sesetengah kata pinjaman bahasa Cina hanya digunakan dalam bahasa basahan atau bahasa kolokial. Contohnya, tapau, lihai, pangsai, bo-lui, puatang, dan lain-lain.

Selain itu, Kho Thong Eng (2023) turut mengupas faktor yang mempengaruhi kedua-dua bahasa ini dalam konteks penggunaan dalam masyarakat. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan kata pinjaman bahasa Melayu daripada bahasa Cina merupakan kata dalam dialek Hokkien. Hal ini berlaku demikian mungkin disebabkan suku kaum Hokkien berniaga dan lebih banyak interaksi dengan bangsa Melayu. Kebanyakan kata pinjaman yang disenaraikan oleh pengkaji terdiri daripada kata nama, dan meliputi pelbagai perkara. Antaranya makanan, minuman, penyakit, ubat, buah, seni pertahanan diri, orang, bangunan, alat, benda, dan lain-lain. Kajian bertajuk Perubahan Leksis Kata Pinjaman Cina dalam Bahasa Melayu oleh Soo Yew Phong (2015) telah meninjau perubahan leksis yang berlaku apabila kata pinjaman Cina diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Antara perubahan leksis yang dikenal pasti berlaku dalam kata pinjaman Cina termasuklah perubahan (i) makna leksikal, (ii) golongan kata dan (iii) makna nahu setelah leksis ini menerima atau bercantum dengan unsur bahasa Melayu. Untuk perubahan makna leksikal, terdapat kata pinjaman mengalami penyempitan makna dan ada juga maknanya diperluas. Perubahan golongan kata dan makna nahu leksis Cina terjadi kerana menerima imbuhan bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kata pinjaman Cina yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja memperkaya khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu, malah perubahan leksis yang berlaku terhadapnya mampu memantapkan lagi sistem komunikasi dalam bahasa Melayu sehingga menjadikannya *lingua franca* yang berdaya saing di Nusantara yang terdiri daripada berbilang etnik dan bangsa.

Sementara itu, Nor Zulaigha Rosli et al. (2021) melakukan penelitian yang sedikit berbeza, iaitu (i) mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina dan (ii) menjelaskan kesilapan sebutan pertuturan bahasa Melayu oleh murid Cina berdasarkan teori analisis kontrastif. Berdasarkan matlamat kajian tersebut dan hasil dapatan, kajiannya menunjukkan bahawa pelbagai usaha penelitian dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam usaha membahaskan aspek penggunaan kedua-dua bahasa sebagai alat komunikasi masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Menurut Chong Peng Hwa, Toh Ling Ling dan Maisarah Noorezam (2016), pembelajaran bahasa Mandarin bermula dengan pengenalan terhadap sistem perumian yang diperkenalkan di China sejak tahun 1958, iaitu Hanyu PinYin. “Hanyu” ialah bahasa Han (Mandarin), manakala “Pin” ialah ejaan dan “Yin” ialah bunyi. Dalam erti kata lain, Hanyu PinYin ialah sistem perumian ejaan bagi karakter/aksara Cina (*Hanzi* 汉字), iaitu tulisan aksara Cina. Terdapat lebih kurang 405 suku kata dalam Hanyu PinYin dan dapat membentuk lebih kurang 1200 unit bunyi suku kata. Berbeza dengan sistem fonologi bahasa Melayu, pembentukan suku kata terdiri daripada vokal, konsonan dan diftong. Tambahnya lagi, sebahagian besar konsonan dalam bahasa Mandarin sama dengan konsonan yang terdapat dalam bahasa Melayu, manakala sebutan konsonan dalam kedua-dua bahasa berbeza. Hanya bahasa Mandarin mempunyai beberapa konsonan tambahan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu zh, ch, sh dan q. Perbezaan ini telah menjadi cabaran utama pembelajaran sebutan bahasa Melayu oleh murid Cina.

Hoogervorst (2024) pula menggunakan kamus dan daftar kata Melayu-Belanda (awal abad ke-17) untuk membuat pernyataan umum tentang aspek ortografi dan fonologi kata pinjaman bahasa Melayu termasuk daripada bahasa Cina, Arab, Parsi, dan Portugis. Menurutnya, oleh sebab penyusun kamus bukan penutur asli yang fasih dan ditulis menggunakan sistem ejaan Belanda/Eropah lama, ejaan bagi kata serapan asing sering kali tidak konsisten, namun sedikit sebanyak boleh menggambarkan bagaimana kata pinjaman (termasuk Cina) disebut oleh penutur tempatan pada abad ke-17. Walau bagaimanapun data kata pinjaman Cina yang diberikan sangat terhad. Walaupun terdapat banyak kajian tentang kata pinjaman Cina seperti di atas, namun kajian perubahan bunyi yang berlaku daripada bahasa sumber, iaitu dialek Cina kepada bahasa Melayu dan pengejaannya dalam Rumi dan Jawi dikaji secara berasingan. Hal ini menyebabkan isu perubahan bunyi dan ejaan yang berlaku sukar difahami. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, aspek fonologi dan ortografi perlu dikaji serentak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis perubahan sebutan yang berlaku hasil daripada proses peminjaman kata daripada dialek Cina kepada bahasa Melayu.
2. Menjelaskan pengaruh sebutan kata pinjaman dialek Cina terhadap ejaan Rumi dan Jawi bahasa Melayu.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks untuk menganalisis perubahan sebutan yang berlaku hasil daripada proses peminjaman kata daripada dialek Cina kepada bahasa Melayu dan pengaruh sebutan ini terhadap ejaan Rumi dan Jawi bahasa sasaran. Sebanyak 163 kata pinjaman daripada dialek Cina dijadikan sebagai data kajian. 163 kata pinjaman ini diperoleh daripada entri yang ditandakan dengan huruf C dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Sesuai dengan bidang fonologi, data yang dianalisis ialah data yang menunjukkan perubahan bunyi secara sistematik. Oleh itu, data daripada Kamus Dewan tersebut dipilih secara rawak bertujuan. Data tersebut dibandingkan dengan data yang terdapat dalam Jones (2007 & 2009) yang dinyatakan sebutan asal daripada dialek sumber bagi

memastikan perubahan bunyi yang berlaku adalah sistematik. Data ini kemudiannya disahkan oleh pakar bahasa Cina sebelum analisis dilakukan. Perubahan sebutan dianalisis dengan menggunakan teori fonologi generatif (Chomsky & Halle, 1968, Roca, 1994), manakala aspek ortografinya dianalisis berdasarkan Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi (2016), Kamus Dewan Perdana (2020) dan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (2020).

2.1 Pendekatan Fonologi Generatif

Walaupun terdapat ahli linguistik yang beranggapan bahawa pendekatan fonologi generatif ini ialah perkembangan daripada pendekatan struktural, perubahan yang dilakukan dalam fonologi generatif agak besar. Fonologi generatif telah memperkembang idea ahli tata bahasa aliran Praha, terutamanya oleh Trubetzkoy (1939) yang menolak konsep fonem sebagai unit terkecil bahasa yang membezakan makna dan menggantikannya dengan fitur distingtif. Idea ini telah dipopularkan dan dikembangkan oleh Chomsky dan Halle (1968) dalam karya agung mereka, *The Sound Pattern of English* (SPE) dan lain-lain, termasuklah Roca (1994) dalam bukunya *Generative Phonology*.

Teori fonologi generatif menetapkan bahawa sesuatu analisis fonologi seharusnya menghasilkan satu set rumus fonologi yang mempunyai unsur mudah (*simplicity*), kenaturalan (*naturalness*), dan keitlakan (*generality*) untuk mencapai tiga tahap kepadaan, iaitu kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*), kepadaan pemerian (*descriptive adequacy*) dan kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*) (Farid, 2014). Menurut pendekatan ini, bunyi yang dijanakan pada peringkat dalaman dalam bentuk leksikon akan dihasilkan pada peringkat struktur luaran dalam bentuk fonetik. Fenomena ini diterangkan dengan menggunakan rumus tulis semula. Pendekatan yang dipopularkan oleh Chomsky dan Halle (1968) ini, pada peringkat awalnya tertumpu pada kajian untuk mencari suatu kriteria yang paling natural (alamiah) dalam usaha menganalisis sesuatu data fonologi.

Pendekatan ini terbahagi kepada dua model analisis utama, iaitu model analisis linear dan analisis non-linear, namun dalam kajian ini, model analisis linear digunakan kerana model ini lebih mudah difahami dan sesuai untuk menjelaskan perubahan yang melibatkan bunyi segmental sahaja. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah segmen dalam kajian ini agak berbeza daripada istilah yang difahami dalam analisis linear dan struktural. Segmen tidak lagi merujuk unsur atau unit fonem sahaja, tetapi digunakan bagi merujuk unit tona, konsonan, vokal, suku kata dan lain-lain (Zaharani, 1996), termasuklah konsonan atau vokal terbitan yang bersifat mudah diramal walaupun tidak fonemik dan tidak terdapat dalam struktur dalaman.

Jadual 2

Matriks fitur distingtif Bahasa Melayu

Fitur Distingtif/Segmen	b	d	g	p	t	k	dʒ	tʃ	s	l	r	m	n	ɲ	ŋ	w	j	h	ʔ	i	e	u	o	a	ə
Silabik [sil]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	+	+
Konsonantal [kons]	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-
Sonoran [son]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	+	+	+	+	-	-	+	+	+	+	+	+
Koronal [kor]	-	+	-	-	+	-	+	+	+	+	-	-	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Anterior [ant]	+	+	-	+	+	-	-	-	+	+	-	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Labial [lab]	+	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	+	-	-	-	-	-	+	+	-	-
Tinggi [ting]	-	-	+	-	-	+	+	+	-	-	-	-	-	+	+	+	+	-	-	+	-	+	-	-	-
Rendah [ren]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	+	-
Depan [dep]	+	+	-	+	+	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	-	+	+	+	-	-	-	-
Belakang [bel]	-	-	+	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	-	+	+	-	+
Bundar [bun]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	+	+	-	-
[ATR]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	-	+
Tegang [teg]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	-	-
Kontinuan [kont]	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	-	-	-	-	+	+	+	-	+	+	+	+	+	+
Nasal [nas]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lateral [lat]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Striden [str]	-	-	-	-	-	-	+	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lepas Lewat [LL]	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Getaran [get]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Malaran [mal]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-
Bersuara [sua]	+	+	+	-	-	-	-	+	-	+	+	+	+	+	+	+	+	-	-	+	+	+	+	+	+
Glottis Tersebar [SG]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-
Glottis Tersekat [CG]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-

Teori fonologi generatif model analisis linear mengandaikan bahawa representasi fonologi terdiri daripada satu tingkat (*tier*) yang mengandungi satu urutan segmen dan lambang sempadan yang disusun secara linear. Segmen ini pula terdiri daripada seperangkat fitur distingtif yang tidak beraturan (*unordered sets of features*) (Zaharani, 2000). Dalam analisis linear ini, penggunaan fitur-fitur dalam sesuatu rumus boleh digunakan secara bebas tanpa terikat dengan mana-mana hubungan yang bersifat sejagat. Walaupun teori ini mendapat kritikan, konsep fonem, fitur distingtif, struktur dalaman dan struktur luaran yang digunakan dalam analisis linear masih lagi relevan dalam semua teori fonologi lama, termasuklah teori optimaliti yang terkini.

Konsep fonem dalam fonologi generatif berbeza dengan analisis struktural sebelum ini kerana fonologi generatif membezakan struktur dalaman dan luaran yang tidak dibezakan oleh analisis struktural. Dalam fonologi generatif, fonem ialah satu unit bunyi abstrak yang berbeza secara eksplisit dan boleh membezakan makna. Fonem terdiri daripada konsonan dan vokal yang terbina secara dalaman dan kehadirannya sukar diramal. Oleh itu, istilah fonem adalah lebih sempit daripada segmen. Semua fonem ialah segmen, tetapi tidak semua segmen ialah fonem. Fonem merealisasikan segmen. Oleh itu, secara kebiasaannya, fonem bagi sesuatu bahasa dijelaskan dengan menggunakan carta inventori, manakala segmen tidak dimasukkan ke dalam carta tersebut atas sifatnya yang mudah diramal hasil perealisasikan fonem.

Konsep fitur distingtif pula diperkenalkan oleh Trubetzkoy (1939) dan Jakobson (1941) daripada aliran Praha. Chomsky dan Halle (1968) telah memanfaatkan fitur distingtif ini untuk memperkenalkan teori fonologi generatif melalui karya mereka, *The Sound Pattern of English* (SPE). Dalam teori fonologi generatif, fitur distingtif (ciri pembeza) dianggap sebagai unit terkecil nahu yang membezakan makna. Misalnya, pasangan minimal [pagi] dan [bagi] dibezakan maknanya oleh fitur tak bersuara pada [p] dan fitur bersuara pada [b]. Fonem dalam sesuatu bahasa itu boleh dianalisis atau dipecahkan kepada satu set fitur distingtif. Setiap fitur lazimnya ditandakan dengan dua kualiti yang berbeza (campur dan tolak) yang dikenali sebagai fitur binari/dedua seperti [+konsonantal] dan [-konsonantal]. Tanda '+' menunjukkan kehadirannya, manakala tanda '-' menunjukkan ketiadaannya.

Analisis fonologi generatif linear ini digunakan oleh Farid (1980) untuk mengkaji beberapa dialek Melayu. Beliau telah menghuraikan beberapa aspek fonologi dialek Kelantan semula hasil analisis struktural yang telah dilakukan oleh Nik Safiah (1965) dan Hashim (1974) secara ringkas. Antara fenomena dialek Kelantan yang dikaji oleh beliau ialah nasalisasi, konsonan akhir kata, pelemahan vokal (*vowel reduction*), dan urutan vokal (*vowel sequences*). Farid (1988) menambah unsur-unsur fungsional dalam analisis linear, termasuklah unsur kebolehmunculan semula (*recoverability*) bagi menjelaskan nasalisasi vokal dalam dialek Kelantan seperti /ikan/ → [i.ke]. Selain itu, Teoh dan Yeoh (1988) juga mengemukakan model analisis linear dalam usaha membincangkan aspek nasalisasi vokal dialek yang sama.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian ini menggunakan pendekatan fonologi generatif yang melibatkan analisis penyekatan glotis berdasarkan data kata pinjaman yang dikenali pasti. Kajian ini juga akan memfokuskan penghuraian data kata pinjaman menggunakan rumus asimilasi nasal.

3.1 Penyekatan Glotis

Proses penyekatan glotis ialah proses menyekat udara yang keluar dari paru-paru pada pita suara yang merealisasikan glotis tersebar /h/ kepada glotis tersekat [ʔ] yang fiturnya boleh dilihat secara jelas dalam jadual 2. Hal ini berbeza dengan data kata Melayu jati yang hanya melaksanakan proses pembentukan glotis. Dalam bahasa Melayu baku, proses perubahan /k/ kepada [ʔ] seperti dalam perkataan /paksa/ → [paʔ.sa] dan /petak/ → [pe.taʔ] dinamakan proses pembentukan glotis. Proses perubahan ini boleh direpresentasikan dengan menggunakan rumus segmen $k \rightarrow ? / _\$$. Dalam ejaan Jawi, bunyi hentian glotis pada akhir suku kata ini dieja dengan qaf, iaitu قف (paksa) dan قَيْتْ (petak) sejak awal penggunaannya lagi (Wilkinson, 1901). Namun begitu, proses pembentukan glotis ini tidak berlaku pada kata pinjaman Inggeris seperti dalam perkataan /taktik/ → [tak.tik] (*tactic*) yang disebut mengikut atau mirip sebutan bahasa sumbernya. Dalam ejaan Jawi, bunyi [k] ini dieja dengan kaf, iaitu كَتِيك (taktik) dan bukannya dengan qaf seperti kata Melayu jati. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi sebutan dan ejaan Jawi bagi sesetengah segmen bunyi antara kata Melayu jati dengan kata pinjaman. Oleh itu, proses fonologi perlu dianalisis berdasarkan sumber katanya.

Proses pembentukan glotis ini dilihat seolah-olah juga berlaku pada kata pinjaman dialek Cina seperti <apek> (阿伯) yang disebut [a.peʔ] dan <bakmi> (肉面) yang disebut [baʔ.mi]. Namun begitu, jika analisis dibuat berdasarkan bahasa sumber, proses perubahan yang berlaku adalah daripada /h/ kepada [ʔ]. Huruf <k> pada perkataan di atas hanyalah dari segi ejaan sedangkan sebutannya telah berubah kepada hentian glotis [ʔ]. Datanya adalah seperti dalam Jadual 3.

Data kata pinjaman dialek Cina di atas tidak dimasukkan tanda diakritik yang menunjukkan pelbagai bunyi suprasegmental dalam dialek Cina kerana tidak diperlukan dalam kajian ini yang membataskan kajian kepada aspek bunyi segmental sahaja. Tambahan pula, dialek Cina yang berlainan mempunyai jumlah tanda diakritik yang berbeza. Data sebutan pula diambil daripada sebutan entri Kamus Dewan Perdana (2020) dengan pengubahsuaian bunyi [q] kepada [a] yang lebih hampir kepada bunyi bahasa Melayu seperti dalam *The International Phonetic Alphabet* (IPA i-charts, 2024). Berdasarkan jadual di atas, bunyi [h] di akhir suku kata dalam dialek Cina, iaitu [a peh] dan [bah mi] direalisasikan sebagai [ʔ] dalam sebutan bahasa Melayu, iaitu [a.peʔ] dan [baʔ.mi]. Perkara yang sama juga berlaku pada perkataan *empek*, *loksun* dan *tekte*.

Jadual 3

Data kata pinjaman dialek Cina bagi proses penyekatan glotis (Jones, 2009, Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 & Kamus Dewan Perdana, 2020)

Sebutan Dialek Cina	Rumi	Sebutan Jawi	Maksud
a peh (阿伯)	apek	a.peʔ افق	panggilan kepada lelaki (agak tua) berbangsa Cina.
an peh (阿伯)	empek	əm.peʔ امفق	bapa; empek-empek orang lelaki yang sudah tua benar.
bah mi (肉面)	bakmi	baʔ.mi بقمي	sejenis makanan yang dibuat daripada tepung gandum dan sebagainya, berbentuk panjang-panjang seperti mi dan dimasak bersama daging.
teh te (压金/押金)	tekte	teʔ.te تيفتي	wang kunci, wang pendahuluan.
bi hun (米粉)	bihun	bi.hun بيهون	sejenis mi halus yang dibuat daripada tepung beras.
Hun (分)	hun	hun هون	1. ukuran berat yang bersamaan dengan seperatus tahlil (sepersepuluh ci atau 6.48 gram); ci = unit untuk menyukat berat candu. 2. ukuran panjang yang bersamaan dengan seperlapan inci atau 3.1 milimeter.

Kedua-dua bunyi [h] dan [ʔ] ialah bunyi glotis. Namun begitu, bunyi [h] mempunyai fitur glotis tersebar (*spread glottis*/SG), iaitu udara yang keluar dari paru-paru melalui pita suara tanpa sekatan dan dilepaskan secara geseran, manakala bunyi [ʔ] pula mempunyai fitur glotis tersekat (*constricted glottis*/CG), iaitu udara yang keluar dari paru-paru disekat pada pita suara dan dilepaskan serta merta secara letupan. Dalam bahasa dan dialek Melayu, fenomena fonologi seperti ini hanya ditemukan dalam kata pinjaman dialek Cina. Proses perubahan fonologi ini tidak boleh dinamakan pembentukan glotis kerana kedua-dua bentuk dalaman dan luaran ialah bunyi glotis. Oleh itu, nama yang sesuai bagi proses fonologi tersebut ialah penyekatan glotis. Bagi tujuan analisis dengan menggunakan teori fonologi generatif, data daripada bahasa sumber (dialek Cina) dijadikan sebagai struktur dalaman, manakala data bahasa sasaran (Melayu) dijadikan sebagai struktur luaran. Proses penyekatan glotis ini boleh diformulasikan dengan menggunakan rumus segmen bunyi notasi standard seperti yang berikut:

$$\text{Rumus 1} \\ h \rightarrow ? / _\$$$

Rumus di atas menunjukkan /h/ direalisasikan sebagai [ʔ] apabila berada di akhir suku kata yang dilambangkan dengan __\$. Namun begitu, proses fonologinya belum jelas. Bagi menjelaskan proses fonologi yang berlaku, rumus formula di atas perlu diformulasikan dengan menggunakan rumus fitur distingtif seperti yang berikut:

$$\text{Rumus 2} \\ \left(\begin{array}{l} -\text{sil} \\ +\text{SG} \end{array} \right) \rightarrow [+CG] / _\$$$

Rumus formal di atas menunjukkan fonem glotis tersebar direalisasikan sebagai bunyi glotis tersekat apabila berada di akhir suku kata. Data [bi hun] (米粉) dan [hun] (分) dalam dialek Cina yang direalisasikan sebagai [bihun] dan [hun] dalam bahasa Melayu perlu dimasukkan dalam senarai data untuk menunjukkan bahawa proses penyekatan glotis tidak berlaku di awal suku kata. Tambahan pula, sebutan [h] berasal daripada dua punca dalam sistem konsonan bahasa Cina, iaitu punca pertama sebutan [h] berasal daripada <k>, punca kedua sebutan [h] berasal daripada [f]. [h] berasal daripada punca pertama akan berubah kepada penyekatan glotis, manakala [h] berasal daripada punca kedua tidak menjadi penyekatan glotis. [f] hanya terletak di awal suku kata dialek Cina. Dari segi ejaan pula, semua bunyi [ʔ] di akhir suku kata Melayu jati dieja dengan menggunakan huruf <k> dalam ejaan Rumi. Secara umumnya, sebutan baku bagi kata bahasa Melayu hendaklah mengikut ejaan, namun kata pinjaman dialek Cina ini membuktikan sebaliknya, iaitu ejaan mengikut sebutan. Misalnya, entri <bakmi> diberikan kurungan cara sebutannya, iaitu (ba'mi) oleh Za'ba (1949) yang menunjukkan bahawa <k> hendaklah dibaca dengan [ʔ], bukannya [k], dan dieja dengan qaf bukannya kaf, iaitu بقمي dalam Jawi. Ejaan Rumi dan Jawi bagi perkataan <bakmi> ini kekal sehingga sekarang. Perkataan <bakmi> yang sudah ada dalam kamus Wilkinson (1901) (dieja bami/بامي) menunjukkan perkataan tersebut telah lama terserap dalam bahasa Melayu, sekali gus menggambarkan hubungan Malaysia-China sudah terjalin sejak dahulu lagi.

Selain itu, perkataan tersebut juga menunjukkan berlakunya proses evolusi kata daripada <bahmi> → <bami> → <ba'mi> yang dieja <bakmi> sekarang. Makna yang diberikan juga mengalami perubahan, iaitu *A dish of vermicelli, pork, and prawns* (hidangan bihun, daging babi, dan udang) dalam Wilkinson (1901) kepada sejenis makanan yang dibuat daripada tepung gandum dan sebagainya, berbentuk panjang-panjang seperti mi dan dimasak dengan daging dalam

Kamus Dewan Perdana (2020) dan *makanan yang bahannya daripada tepung (terigu dan sebagainya), bentuknya panjang-panjang seperti tali* dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI). Perubahan makna ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada budaya Cina telah terserap dalam budaya Melayu tetapi diubah suai mengikut budaya tempatan. Kini, terdapat banyak bakmi halal yang dimasak dan dijual oleh rumpun Melayu Islam, terutamanya di Malaysia dan di Indonesia.

3.2 Asimilasi Nasal

Menurut Zaharani (2004), dari sudut teori fonologi, rumus asimilasi nasal yang menghasilkan rangkap nasal-obstruen yang homorgan merupakan satu rumus yang alamiah kerana gejala ini berlaku dalam banyak bahasa di dunia. Dalam nahu bahasa Melayu, proses penghomorganan yang dikawal oleh rumus asimilasi nasal ini dikatakan bersifat nalar dan produktif. Beliau telah mengemukakan data bahasa Melayu yang menunjukkan proses berkenaan yang berlaku pada kata tunggal seperti /sampah/, /pandu/, /tajkai/ dan /pəntʃiŋ/ dan kata terbitan seperti /pəŋ+bəli/ → [pəm.bə.li], /pəŋ+dataŋ/ → [pən.da.taŋ], /pəŋ+gali/ → [pəŋ.ga.li] dan /məŋ+ʃuri/ → [mɛŋ.ʃu.ri]. Zaharani (2004) juga telah mengemukakan dapatan kajian Farid (1980) yang menggunakan pendekatan fonologi generatif linear bagi menjelaskan proses asimilasi nasal tersebut. Rumus asimilasi nasal-obstruen yang dikemukakan adalah seperti yang berikut:

$$[+nasal] \rightarrow \left[\begin{array}{c} \alpha \text{ ant.} \\ \beta \text{ kor.} \\ \cdot \\ \cdot \\ \cdot \end{array} \right] / _ \left[\begin{array}{c} K \\ \alpha \text{ ant.} \\ \beta \text{ kor.} \\ \cdot \\ \cdot \end{array} \right]$$

Rumus 3

Rumus di atas menunjukkan bahawa semua bunyi nasal akan direalisasikan sebagai nasal yang berhomorgan dengan konsonan (K) yang mempunyai fitur anterior dan koronal yang sama serta melibatkan pasangan bunyi [m.p], [m.b], [n.t], [n.d], [ŋ.tʃ], [ŋ.dʒ], [ŋ.k] dan [ŋ.g] dalam dua suku kata yang berurutan. Namun begitu, rumus ini dikatakan tidak terlaksana pada kata pinjaman dialek Cina seperti data yang berikut:

Jadual 4

Data kata pinjaman dialek Cina bagi ketidakpatuhan rumus asimilasi Nasal-Obstruen (Jones, 2009 & Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 & Kamus Dewan Perdana, 2020)

Sebutan Dialek Cina	Rumi	Sebutan	Jawi	Maksud
ang pau (红包)	angpau	aŋ.paw	اڠڤاو	wang dalam sampul kecil yang diberikan sebagai hadiah pada hari Tahun Baru Cina dan lain-lain.
pang phai (帮派)	bangpak	baŋ.paʔ	بڠڤاق	buruk, jahat
hong te (皇帝)	ungti	uŋ.ti	اوڠتي	sejenis patung yang besar (digerak-gerakkan dari dalam).

Berdasarkan data di atas, proses asimilasi nasal-obstruen tidak berlaku dalam bahasa Melayu (berdasarkan sebutan dalam Kamus Dewan Perdana, 2020). Zaharani (2004) turut memasukkan perkataan *camca*, *kamsia* (terima kasih), *samseng* dan *samsu* bagi menjelaskan ketidakpatuhan proses asimilasi nasal-obstruen yang berlaku dalam kata Melayu jati. Beliau menyimpulkan bahawa kata yang tidak mematuhi rumus asimilasi nasal-obstruen tersebut ialah kata asing atau kata pinjaman.

Namun begitu, setelah disemak semula perkataan *camca* berasal daripada Parsi dan telah dibetulkan dalam Kamus Dewan Perdana (2020), tetapi perkataan *bangpak* masih terdapat dalam kamus tersebut. Perkataan *bangpak* sebenarnya berasal daripada *bangpai* dalam dialek Cina. Rangkap nasal-obstruen [m.s] pula sememangnya tidak mematuhi rumus yang dikemukakan oleh Farid (1980) (Rumus 2) kerana rumus tersebut sepatutnya rangkap nasal-obstruen yang homorgan ialah [n.s] seperti dalam perkataan *ansur* dan *bonsai*. Namun begitu, data kata Melayu jati yang menunjukkan kepatuhan rumus asimilasi nasal-obstruen [n.s] adalah terhad berbanding dengan yang tidak mematuhi rumus seperti *angsa*, *mangsa*, *pangsa*, *bangsa*, *bangsal*, *pengan*, *bongsu* dan sebagainya. Begitu juga dengan kata terbitan Melayu jati yang menerima imbuhan nasal /məŋ+/ dan /pəŋ+/ seperti /pəŋ+sakit/ → [pə.ŋə.kit], /məŋ+suluh/ → [mɛ.ŋə.luh], /məŋ+səraŋ/ → [mɛ.ŋə.raŋ], /məŋ+siram/ → [mɛ.ŋə.ram], /məŋ+sorəŋ/ → [mɛ.ŋə.roŋ], /pəŋ+semak/ → [pə.ŋə.məʔ] juga tidak mematuhi rumus asimilasi nasal-obstruen. Bagi menjelaskan proses asimilasi nasal dalam kata pinjaman dialek Cina tersebut, beberapa data daripada Jones (2007 & 2009) yang terdapat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat dan Kamus Dewan Perdana telah dipilih. Datanya adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Data kata pinjaman dialek Cina bagi proses asimilasi Nasal-Hentian Oral (Jones, 2009 & Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 & Kamus Dewan Perdana, 2020)

Sebutan Dialek Cina	Rumi	Sebutan	Jawi	Maksud
chia ⁿ kau (成交)	Cengkau	tʃej.kaw	چيڭكاو	orang yang mencarikan pembeli atau penjual barang, broker.
chhin chhau (青草)	Cincau	tʃin.tʃaw	چينچاو	1. sejenis agar-agar yang dibuat dengan membekukan air daripada daun sejenis tumbuhan (<i>Cyclea barbata</i>), sejenis lengkong (dimakan dengan air batu). 2. = air ~ sejenis minuman manis yang mengandungi potongan agar-agar air daun cincau, air lengkong. 3. tumbuhan (air daunnya boleh dibekukan untuk dibubuh dalam minuman), <i>Cyclea</i> spp.
tsing ⁿ ge (装艺)	Cingge	tʃin.ge	چيڭغي	perarakan kebudayaan sekumpulan orang (khususnya orang Cina di Pulau Pinang) yang secara bergilir-gilir menjulang dan mengimbangi sebatang tiang (besar, panjang) yang diikat bendera besar (bersegi tiga).
hun ⁿ gin (分银)	Hunjin	huj.dʒin	هونجين	wang yuran.
tsong pho (总舖)	Compoh	tʃom.poh	چومفوه	tukang masak di kapal.
kun thau (拳头)	Kuntau	kun.taw	كونتاو	sejenis silat atau pencak cara Cina; berkuntau bersilat (berpencak) cara Cina.

Berdasarkan Jadual 5, proses asimilasi nasal berlaku apabila nasal tersebut diikuti oleh hentian oral dan bukannya obstruen. Oleh itu, rumus asimilasi nasal-obstruen perlu digantikan dengan rumus asimilasi nasal-hentian oral. Hentian ialah fitur distingtif yang berlawanan dengan kontinuan. Kontinuan terbentuk dengan membolehkan udara mengalir di dalam rongga mulut tanpa sekatan, sementara bunyi hentian sebaliknya. Oleh itu, bunyi vokal, geluncuran, getaran dan geseran ialah [+kont.], manakala bunyi nasal dan letupan oral ialah [-kont.] (Nor Hashimah, 2007). Bunyi /s/ dan /h/ termasuk dalam bunyi geseran yang bukan bunyi hentian oral atau letupan oral. Oleh itu, rumus asimilasi nasal Farid (1980) boleh ditambah baik dengan menggantikan [K] (konsonan) dengan fitur [-kont.] pada syarat lingkungannya seperti yang berikut:

$$\begin{array}{c}
 \text{Rumus 4} \\
 [+nasal] \rightarrow \left[\begin{array}{c} \alpha \text{ ant.} \\ \beta \text{ kor.} \\ \cdot \\ \cdot \\ \cdot \end{array} \right] / _ \left[\begin{array}{c} -\text{kont.} \\ \alpha \text{ ant.} \\ \beta \text{ kor.} \\ \cdot \\ \cdot \end{array} \right]
 \end{array}$$

Rumus 4 menunjukkan bahawa semua bunyi nasal akan direalisasikan sebagai bunyi nasal yang homorgan dengan konsonan hentian oral. Fitur [-nasal] tidak perlu dimasukkan dalam syarat lingkungan walaupun bunyi nasal termasuk dalam [-kont.] kerana sistem sebutan kata Melayu jati tidak membenarkan kepanjangan konsonan berlaku, termasuklah kepanjangan nasal. Walau bagaimanapun, penerangan di atas masih belum menjelaskan sebab *angpau* disebut [aŋ.paw] dan *ungti* disebut [uŋ.ti] dengan tidak mematuhi rumus asimilasi nasal-hentian oral sedangkan syarat lingkungannya kelihatan seolah-olah sama. Berdasarkan rumus asimilasi nasal-hentian oral (Rumus 4), sepatutnya *angpau* disebut [am.paw] dan *ungti* disebut [un.ti] seperti *tanpa* yang disebut [tam.pa]. Oleh sebab data yang dianalisis merupakan kata pinjaman berasal daripada dialek Cina, maka data daripada bahasa sumbernya perlu diambil kira dalam usaha menentukan proses perubahan yang berlaku. Dalam hal ini, kedua-dua kata ini merupakan kata majmuk yang terdiri daripada dua kata, iaitu *ang pau* (红包) dan *hong te* (皇帝). Setiap aksara yang membentuk kata majmuk dalam bahasa Cina ada bentuk, sebutan dan maknanya masing-masing. Penggabungan aksara menjadi kata majmuk tidak menyebabkan berlaku perubahan fonem seperti yang dijelaskan di atas. Apabila kata pinjaman ini diserap ke dalam bahasa Melayu, peraturan bahasa sumber juga diserap sekali ke dalam bahasa Melayu.

Walaupun bagaimanapun, oleh sebab kedua-dua kata majmuk tersebut hanya terdiri daripada dua suku kata sahaja, maka perkataan tersebut menepati struktur suku kata asas dalam kata Melayu jati yang terdiri daripada dua suku kata sahaja. Oleh itu, ejaan *angpau* dan *ungti* dalam satu perkataan bahasa Melayu adalah wajar, namun dari segi sebutannya masih

mengekalikan sebutan asal daripada dialek Cina dengan andaian terdapat sempadan kata antara kedua-dua suku katanya, iaitu [aŋ#paw] dan [uŋ#ti]. Kata majmuk bahasa Cina terdiri daripada dua aksara yang mempunyai sebutan sendiri. Sebutan aksara pertama tidak akan dipengaruhi oleh sebutan aksara kedua dalam contoh yang diberikan. Oleh itu, rumus 4 tersebut hanya terpakai untuk syarat lingkungan dalam kata dan di sempadan awalan (+), tetapi tidak terpakai untuk yang merentasi sempadan kata. Hal yang sama juga berlaku pada kata Melayu jati seperti [pa.daŋ#pa.sir] dan [sa.raŋ#te.bu.wan] yang tidak melaksanakan rumus asimilasi nasal-hentian oral. Dari segi ejaan Jawi pula, didapati ejaannya berdasarkan padanan ejaan Rumi-Jawi, bukannya berdasarkan sebut seperti kelazimannya. Oleh itu, perkataan *hunjin* dieja هونجين. Huruf <n> pada suku kata pertama dipadankan dengan huruf *nun* (ن), bukannya *nya* (ڠ), walaupun dari segi ejaan Jawi, huruf *nya* biasanya dipadankan dengan bunyi [ŋ] seperti dalam perkataan nyanyi yang dieja پايي tetapi hal ini tidak berlaku pada rangkap nasal-hentian oral.

Dapatan fonologi kajian ini menunjukkan bahawa kata pinjaman dialek Cina sering mengekalikan ciri sebutan asal yang berbeza dengan struktur fonologi Melayu standard. Sebagai contoh, fenomena nasalisasi vokal dan rangkap konsonan nasal-homorgan yang hadir dalam kata pinjaman Cina menunjukkan pengekalikan ciri fonologi Cina walaupun bertentangan dengan sistem Melayu. Kehadiran ciri-ciri fonologi unik ini berfungsi sebagai petunjuk identiti etnik dalam wacana linguistik. Ciri-ciri fonologi unik ini bukan sekadar variasi bunyi semata-mata, tetapi simbol sejarah percampuran budaya. Pola sebutan seperti penyekatan glotis dan asimilasi nasal dalam kata pinjaman boleh dianggap sebagai strategi linguistik yang menunjukkan kedudukan etnik dalam hierarki budaya melalui bahasa. Dapatan kajian berkaitan dengan ortografi pula mengungkap dimensi ideologi dan identiti dalam penggunaan skrip. Ejaan Jawi yang digunakan sejak awal berkait rapat dengan identiti Melayu-Islam. Skrip ini dianggap sebagai sebahagian daripada warisan kebudayaan Melayu. Apabila kata pinjaman Cina disebut dan dieja dalam Jawi mengikut sebutan dan ejaan Melayu jati, kosa kata ini mengukuhkan naratif kebudayaan Melayu, seolah-olah sebahagian daripada warisan Melayu. Hal ini juga selari dengan hubungan diplomatik Malaysia-China yang sudah melangkaui usia 50 tahun (Goh dan Su, 2024). Sebaliknya, penggunaan ejaan Rumi moden selari dengan agenda nasionalisme moden. Fenomena ini menunjukkan penyesuaian kata pinjaman terhadap identiti kebangsaan kontemporari.

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya merumuskan proses fonologi dan ortografi yang berlaku dalam penyerapan kata pinjaman dialek Cina ke dalam bahasa Melayu. Dapatan utama menunjukkan keberadaan proses penyekatan glotis di akhir suku kata dan asimilasi nasal-hentian oral yang secara amnya mematuhi sistem fonologi kata Melayu jati, kecuali bagi kata yang dibatasi oleh sempadan kata sumber. Dari sudut ortografi, penyesuaian ejaan Rumi dan Jawi bagi kata pinjaman ini didapati selari dengan kaedah ejaan kata asli, yang mencerminkan tahap asimilasi linguistik yang tinggi. Secara teoretikal, kajian ini membuktikan keberkesanan pendekatan fonologi generatif dalam menjelaskan perubahan bunyi secara sistematik, manakala secara praktikal, ia memberikan pencerahan terhadap evolusi sistem ejaan dalam konteks pertembungan bahasa. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan dari segi saiz korpus yang terhad kepada entri dalam kamus serta tumpuan yang hanya diberikan kepada aspek bunyi segmental. Oleh itu, kajian masa hadapan disarankan untuk meneroka kosa kata yang lebih luas termasuk bahasa kolokial serta mempertimbangkan aspek suprasegmental seperti tona bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif. Secara tuntasnya, penemuan ini bukan sahaja memperkaya khazanah linguistik terapan, malah memperkuat naratif tentang keakraban hubungan sejarah dan sosiobudaya yang telah lama terjalin kukuh antara masyarakat berbilang etnik di Malaysia. Penemuan ini seterusnya mengukuhkan kerelevanan kajian bahasa dalam memahami dinamika masyarakat majmuk.

Penghargaan

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang geran daripada mana-mana sektor.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Sumbangan Penulis

Adi Yasan Abdul Aziz: Konseptualisasi, Pengurusan data, Analisis formal, Penyelidikan, Metodologi, Sumber, Visualisasi, Penulisan – draf asal, Penulisan – semakan & penyuntingan

Rozita Che Rodi: Pengurusan data, Visualisasi, Penulisan - semakan & penyuntingan

Wong Ling Yann: Pengesahan, Penyelidikan, Penulisan - semakan & penyuntingan

Muhammad Faizul Abdul Hamid: Penulisan – semakan & penyuntingan

Rujukan

Ahmad, Z. (1996). Teori optimaliti dan analisis deretan vokal Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 40(6), 512-527.

Ahmad, Z. (2000). Pemanjangan dan penyisipan vokal dalam Bahasa Melayu: Suatu analisis autosegmental. *Dewan Bahasa* 44(12), 1202-1221.

Ahmad, Z. (2004). Kata pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu: Suatu huraian fonologi. *Jurnal Bahasa*, 4(4), 705-723. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8624>

- Ahmad, Z. A. (Za'ba) (Ed.). (1949). *Daftar ejaan Melayu (Jawi Rumi)*. Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College.
- Chomsky, N. & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English*. Harper & Row.
- Chong, P. H., Toh, L. L., & Noorezam, M. (2016). *Kajian perbandingan sebutan suku kata Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu dalam sistem fonetik*. Diakses di ResearchGate. https://www.researchgate.net/profile/Chong_Penghwa/publication/308798786
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Daftar kata Bahasa Melayu: Rumi – sebutan – Jawi (Edisi Kedua)*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2020). *Pedoman umum ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*.
- Farid, M. O. (1980). *Aspects of Malay phonology and morphology: A generative approach*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid, M. O. (1988). Mengapa ada sengau dalam [ikE] atau beberapa unsur fungsional dalam fonologi Bahasa Melayu. Dlm. Farid M. Onn (ed.). *Bunga Rampai Fonologi Bahasa Melayu*, hlm. 119-131. Fajar Bakti.
- Farid, M. O. (2014). *Saya dan fonologi Bahasa Melayu: Mendekati tatabahasa sejagat*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid, M. O. (ed.). (1988). *Bunga rampai fonologi Bahasa Melayu*. Fajar Bakti.
- Goh, S. S. & Su Y. (2024). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar China*. Penerbit USM.
- Hassan, A. (1974). Pertembungan bahasa dan kesannya terhadap Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid. 5, 216-236.
- Hoogervorst, T. G. (2024). Seventeenth-century Malay wordlists and their potential for etymological scholarship. *Wacana* 25(3): 531-575. <https://doi.org/10.17510/wacana.v25i3.1782>
- International Phonetic Association. *IPA i-charts*. (2024). https://www.internationalphoneticassociation.org/IPAcharts/inter_chart_2018/IPA_2018.html
- Jakobson, R. (1941). Child Language, Aphasia, and Phonological Universals. (Terj.) dlm. *Selected Writings* 1: 328-401. Mouton.
- Jalaluddin, N. (2007). *Asas fonetik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, R. (2009). *Chinese loan-words in Malay and Indonesian: A background study*. University of Malaya.
- Jones, R. (Ed.) (2007). *Loan-words in Indonesian and Malay*, Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia. (2023). <https://kbbi.web.id/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S. (1965). *Loghat Melayu Kelantan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Kho, T. E. (2021). Kata pinjaman daripada Bahasa Cina. *Dewan Bahasa*, 9 Jun 2021. <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2021/06/09/736/>
- Kho, T. E. (2023). Pengaruh mempengaruhi antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Cina. *Dewan Bahasa*, 23 Oktober 2023. <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2023/10/-23/10535/>
- Marliana, N.L. (2009). Perbezaan bunyi [a] dan [↔] (Schwa) dalam Bahasa Melayu bagi pelajar Indonesia di Malaysia: Satu kajian fonologi. *Jurnal Komunilogi*. 6(1), 14-19.
- Musa, H. (1974). *Morfemik dialek Kelantan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Phong, S. Y. (2014). *Kata pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu: Satu kajian morfologi*. TeSSH 2014 / e-Proceedings, 5-6 November 2014, One Helang Hotel, Langkawi.
- Phong, S. Y. (2015). *Perubahan leksis kata pinjaman Cina dalam Bahasa Melayu*. ICOMHAC2015 e-Proceedings, 16-17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Roca, I. (1994). *Generative phonology*. Routledge.
- Rosli, N., Mohd Rusli, N., Abdul Jobar, N., & Zakaria, N. (2021). Kemahiran bertutur Bahasa Melayu oleh murid Cina: Teori analisis kontrastif. *LSP International Journal*, 8(1), 35–55. DOI: <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.16906>
- Teoh, B. S., & Yeoh, C. K. (1988). Fonem vokal nasal dalam dialek Kelantan. Dlm. M. mo, F. (ed.). *Bunga rampai fonologi Bahasa Melayu*. Fajar Bakti.
- Trubetzkoy, N. S. (1939). *Principles of phonology*. (Terj.). University of California Press.
- Uti Aryanti (2021). Phonological Adaptation of Hokkien Loanwords in Indonesian. *Eralingua: Jurnal Pendidikan Bahasa Asing dan Sastra* 5(2): 250-264.
- Wilkinson, R. J. (1901). *Malay English Dictionary*. Kelly and Walsh, Limited.